



KEADAAN Sungai Pengau yang keruh dan dasar sungai berlumpur di Kampung Pagi, Ulu Tembeling.



SUNGAI SAKIT...

■ Aktiviti penerokaan hutan tak terkawal di Ulu Tembeling faktor paras air makin cetek

Syah Rul Aswari Abdullah
srul@hmetro.com.my

Jerantut

Aktiviti penerokaan hutan untuk pembalakan yang tidak terkawal di Ulu Tembeling, di sini, dipercayai faktor penyebab paras Sungai Tembeling yang menjadi nadi pengangkutan penduduk di kawasan itu semakin cetek, sejak setahun lalu.

Aktiviti itu biarpun mendapat kebenaran pihak berkuasa, namun ia didakwa menjejaskan kawasan tadahan air semula jadi di Ulu Tembeling menyebabkan air sungai yang dulunya jernih menjadi keruh dan cetek.

Sungai yang suatu ketika dulu pernah sedalam empat meter kini semakin mengering sehingga ada beberapa kawasan mencecah kedalaman paras lutut saja.

Situasi ini diburukkan lagi dengan kesan fenomena El Nino pada empat bulan per-

tama tahun ini sehingga mengancam projek santuari ikan di beberapa lokasi sepanjang sungai berkenaan.

Penduduk Kampung Pagi Alizan Alias, 34, berkata kesan aktiviti pembalakan juga menyebabkan projek Tagal yang diperkenalkan di Sungai Pengau berhampiran kampungnya pada 2012 gagal.

Katanya, situasi itu menyebabkan penduduk hilang peluang meningkatkan pendapatan daripada kunjungan pelancong ke tapak projek berkenaan.

"Jika tidak silap, sudah hampir 30,000 benih ikan dilepaskan untuk projek Tagal di Sungai Pengau yang mengalir ke Sungai Tembeling pada 2012.

"Ia termasuk lampam, kelah, sebarau dan baung. "Pada peringkat awal, projek itu kelihatan berjalan baik dan ikan membesar dengan baik. Ramai belia di kampung ini terbabit dengan projek ini yang bertujuan untuk memelihara ikan sebagai tarikan pelancongan.

"Kami pernah membawa pelancong ke lokasi projek Tagal ini. Tetapi tidak lama kemudian, ia gagal kerana air

Ikut Pelan Pengurusan Alam Sekitar

Jerantut: Aktiviti penerokaan hutan bagi tujuan pembalakan dan perlombongan di daerah ini perlu dijalankan mengikut Pelan Pengurusan Alam Sekitar bagi melindungi khazanah alam semula jadi.

Ahli Parlimen Jerantut Ahmad Nazlan Idris berkata, usaha itu penting memandangkan daerah ini menjadi pintu masuk utama pelancong ke Taman Negara yang kaya dengan keperibagaaian biodiversiti.

Beliau berkata, langkah itu juga bagi menjaga kawasan hutan yang menjadi kawasan tadahan air semula jadi selain

nadi ekonomi dan penghubung penduduk yang tinggal di sepanjang pesisir sungai.

"Kita jangan lihat kepada jangka masa pendek, sebaliknya perlu melihat kepada kesan jangka panjang.

"Kita boleh tebang balak untuk menghasilkan jutaan ringgit, tetapi jika kita pulihara kawasan ini, ia akan menghasilkan pendapatan lebih berkali ganda untuk masa akan datang menerusi pelancongan.

"Hutan ini wasiat kita untuk tatapan generasi pada masa akan datang," katanya.

sungai menjadi cetek dan berlumpur kesan daripada aktiviti pembalakan di kawasan hulu sungai," katanya.

Sistem Tagal yang diamalkan kaum Kadazan Dusun di Sungai Maroli, Ranau, Sabah, mula diperkenalkan di Semenanjung sejak 2010, bertujuan menghindari kepupusan pelbagai spesies ikan air tawar di negara ini.

Ia melarang penangkapan ikan bagi satu jangka masa tertentu di kawasan zon sungai yang dipersetujui bersama oleh penduduk setempat untuk memberi peluang kehidupan akuakultur ber-

kenaan membiak.

Selepas itu, pada masa ditetapkan penduduk setempat akan bersama-sama menangkap ikan yang 'ditagal' lalu diagihkan sama rata.

Menerusi sistem itu, ia memastikan ikan dapat membiak dan menjadi sumber makanan berterusan kepada penduduk setempat.

Pelaksanaan itu dapat menambah bilangan ikan atau akuakultur di sungai bagi mengelakkan ikan induk daripada pupus yang boleh meningkatkan lagi pembiakan.

Alizan berkata, penduduk tidak menolak pembangunan

tetapi bimbang dengan aktiviti penerokaan hutan untuk tujuan pembalakan itu menjejaskan keindahan semula jadi di kawasan berkenaan.

"Apabila air kering dan keruh, sebarang projek bagi pemuliharaan ikan akan menjadi sia-sia. Ini kerana spesies ikan tertentu memerlukan habitat yang terhidar daripada pencemaran.

"Jika tidak, ikan tidak boleh hidup, lari ke tempat lain. Amat rugi apabila banyak masa dan tenaga sudah digunakan untuk menjayakan projek Tagal ini, tetapi ia tidak berjaya," katanya.

FAKTA
Sungai suatu ketika dulu pernah sedalam empat meter kini semakin mengering



"Pendek kata, boleh berlari di beberapa kawasan di dalam sungai ini
Ariman Abdul ghani



PEKERJA di tapak projek pembiakan anak ikan di Kampung Baharu Jerantut memberi makan kepada benih yang dibiak.

Dasar air di Pagi



KEADAAN Sungai Pengau di Kampung Pagi, Ulu Tembeling.

Jerantut

Perjalanan bot ambil masa lama

Paras air Sungai Tembeling, di sini, yang semakin cetek menyebabkan perjalanan dengan bot menyusuri sungai berkenaan mengambil masa lebih lama.

Penduduk mendakwa keadaan itu menyebabkan jarak perjalanan dengan bot dari jeti Kuala Tahan ke Kampung Mat Daling, di sini, antara perkampungan yang paling hulu, kini mengambil masa antara empat hingga lima jam.

Ia berbanding tempoh antara tiga hingga empat jam ketika paras sungai yang lebih dalam.

Menurut penduduk Kampung Pagi, Ariman Abdul ghani, 32, keadaan sungai yang cetek itu amat ketara terutama sepanjang musim cuaca panas dan kering yang melanda negara pada beberapa bulan pertama tahun ini.

"Ada di sesetengah kawasan yang sebelum ini adalah air kini kelihatan beting pasir apabila paras air semakin cetek.

"Pendek kata, boleh berlari di beberapa kawasan di dalam sungai ini," menurutnya.

Katanya, keadaan itu menjejaskan pendapatan sebahagian daripada penduduk kampung yang sebelum ini membawa pelancong ke lubuk pancing di sekitar Sungai Tembeling.

"Sebelum ini, ada pemancing datang ke jeti di Kampung Pagi dan meminta membawa

mereka ke lubuk pancing. Ada datang dalam kumpulan besar sehingga 15 orang.

"Tetapi, apabila air semakin surut, permintaan juga berkurangan, sekali gus memberi kesan kepada pengusaha bot terutama penduduk kampung," katanya.

Rakannya, Mohammad Immran Abdul Ghani, 32, berkata, pihak berkuasa perlu lebih proaktif mengawal pembalakan di ulu Tembeling, di sini,

»INFO

■ **Ada lima perkampungan sepanjang Sungai Tembeling termasuk Kampung Pagi, Kampung Kuala Sat, Kampung Bantal dan Kampung Mat Daling di Mukim Hulu Tembeling**

■ **Sebahagian besar terbabit aktiviti pertanian dan pelancongan termasuk membawa pelancong dengan bot menyusuri sungai dan kaki pancing di lubuk ikan di sepanjang Sungai Tembeling**

■ **Penduduk masih bergantung kepada Sungai Tembeling sebagai penghubung dengan penempatan luar termasuk Kuala Tahan dan Jerantut**

Jerantut

Penduduk tanggung kesan buruk

Penduduk di sekitar Damak, di sini, kini terpaksa menanggung kesan buruk akibat penerokaan hutan bagi aktiviti pembalakan di dalam kawasan Hutan Simpan Jerantut Tambahan sejak 1980-an.

Mereka mendakwa aktiviti itu yang semakin berleluasa sejak beberapa tahun kebelakangan ini menjejaskan hutan itu yang menjadi kawasan tadahan air semula jadi dan sumber alternatif bekalan air kepada penduduk.

Ini memandangkan sebahagian daripada kira-kira 600 penduduk sekitarnya masih bergantung kepada Lata Besen, di sini, sebagai sumber bekalan air bersih untuk keperluan harian termasuk memasak, mandi dan membasuh pakaian.

Ia kerana penduduk tidak boleh bergantung kepada bekalan air paip berikutan beberapa tempat di kawasan berkenaan sentiasa mengalami masalah gangguan bekalan air akibat tekanan air rendah.

Pada masa sama, ia memberi kesan kepada pendapatan pengusaha projek pembenihan ikan dan ternakan ikan serta udang yang turut bergantung kepada sumber air dari Lata Besen.

Penduduk Kampung Baharu Saiful Nizam Sulaiman, 29, berkata, walaupun penduduk sudah beberapa kali mengemukakan bantahan kepada pihak berkuasa, namun syarikat pembalakan masih meneruskan aktiviti di kawasan hutan berkenaan.